



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



PANDUAN PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU

SESI I :2026/2027

POLITEKNIK JELI KELANTAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
Politeknik Jeli Kelantan,
Jalan Raya Timur-Barat,
17600 Jeli, Kelantan

No. Telefon: 09-9443600
No. Faks: 09-9462802

ISI KANDUNGAN

PERKARA

1.0 Pendahuluan

- 1.1 Maklumat Am Politeknik Jeli Kelantan
- 1.2 Kemudahan Tempat Tinggal
- 1.3 Bantuan Kewangan

2.0 Senarai Program Di Politeknik Jeli Kelantan

3.0 Panduan Pendaftaran

- 3.1 Join channel Telegram Pelajar Baharu Sesi I:2026/2027
- 3.2 Panduan Pendaftaran
- 3.3 Proses Pendaftaran
- 3.4 Maklumat Bayaran
- 3.5 Tatacara Pendaftaran iPayment
- 3.6 Tatacara Pembayaran Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (SAKP) melalui iPayment

4.0 Panduan Lapor Diri

- 4.1 Jadual Lapor Diri
- 4.2 Kaedah Lapor Diri
- 4.3 Pemakaian Dan Penampilan (Pelajar Lelaki)
- 4.4 Pemakaian Dan Penampilan (Pelajar Perempuan)

5.0 Mendaftar secara online di portal pendaftaran pelajar baharu

Lampiran

- Panduan ASNB Celik MADANI
- Senarai Semak Dokumen - Lampiran A
- Ringkasan Aktiviti Pelajar Baharu – Lampiran B

1.0 PENDAHULUAN

1.1 MAKLUMAT AM POLITEKNIK JELI KELANTAN

Visi Politeknik Malaysia:

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul

Misi Politeknik Malaysia:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat;
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

Politeknik Jeli Kelantan menyediakan kemudahan penginapan asrama kepada pelajar. Semua pelajar baharu adalah **diwajibkan** menginap di asrama.

- i. Pembayaran Yuran Asrama hendaklah dijelaskan setiap semester sebelum semester bermula. (Rujuk 2.3 Maklumat Bayaran)
- i. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di asrama seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. **Cadar (saiz *single*), bantal, sarung bantal dan selimut serta keperluan peibadi lain perlu dibawa oleh pelajar.**
- ii. Peralatan elektrik yang dibenarkan dibawa adalah:
 - i. Plug Extension Wire (Maksimum 3 way) yang mempunyai label SIRIM
 - ii. Kipas (tidak melebihi 45W)
 - iii. Komputer Riba
 - iv. Pemanas Air (Maksimum 1850 watt) yang mempunyai label SIRIM
 - v. Seterika yang mempunyai label SIRIM
- iii. Tiada perkhidmatan ATM disediakan dalam kampus. Walau bagaimanapun kemudahan ATM boleh dicapai di premis yang terletak berhampiran dengan kampus. Urusan jual beli di kafeteria boleh menggunakan *cashless (Touch n Go dan DuitNow)*.

1.3 BANTUAN KEWANGAN

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) **TIDAK MENYEDIAKAN** pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa / Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di politeknik. Pembiaya pendidikan pelajar yang terbesar di PJK adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** bagi pelajar peringkat Diploma.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PJK yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat Diploma.

Permohonan pinjaman PTPTN hanya boleh dibuat melalui aplikasi web myPTPTN <https://myptptn.ptptn.gov.my>

Dokumen tawaran bagi permohonan hanya boleh disemak melalui aplikasi myPTPTN

Sesi	Tarikh Buka/Tutup Permohonan Pinjaman	
Sesi I:2026/2027	Kelompok 1	Kelompok 2
Diploma Agroteknologi	01 Jun 2026 - 31 Jun 2026	01 Julai 2026 - 31 Julai 2026
Diploma Teknologi Akuakultur		
Diploma Kejurteraan Elektrik (Tenaga Hijau)		

Pelajar boleh menyemak Jadual Permohonan/Bayaran Pinjaman dan IPT di laman web PTPTN.

Pelajar layak memohon PTPTN sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan berdaftar dengan PTPTN (disenaraikan dalam portal pendaftaran online PTPTN);
- Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- Telah membuka akaun Simpanan SSPN Prime / Simpanan SSPN Plus

Persediaan Sebelum Membuat Permohonan PTPTN

- Menerima tawaran IPT
- Mempunyai akaun Simpanan SSPN Prime / Simpanan SSPN Plus
- Membuka akaun simpanan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** – panel bank bagi urusan pembayaran pinjaman kepada pelajar Politeknik Jeli Kelantan.
- Membuat semakan jadual permohonan pinjaman

Senarai Pembiaya Pinjaman Atau Biasiswa

Bil	Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa	Laman Web
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	https://myptptn.ptptn.gov.my
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	http://www.jpa.gov.my/
3	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	http://www.biasiswa.sabah.gov.my/
4	Jabatan Kemajuan Orang Asli	http://www.jakoa.gov.my/
5	Biasiswa Sukan KPM	https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/
6	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/
7	Yayasan Telekom Malaysia	https://www.tm.com.my/YayasanTM
8	Yayasan Pelajaran Johor	http://portal.ypj.gov.my/
9	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)	https://tapem.melaka.gov.my/1/
10	Yayasan Sarawak	http://yayasansarawak.org.my/
11	Yayasan Pahang	http://www.yip.org.my/
12	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS)	http://tkwbns.selangor.gov.my/
13	Yayasan Selangor	http://www.yayasanselangor.org.my/
14	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)	https://yakin.kelantan.gov.my
15	Lain-lain tajaan	

2.0 SENARAI PROGRAM DI POLITEKNIK JELI KELANTAN

BIL	KOD KURSUS	SINGKATAN KURSUS	NAMA PENUH PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN
JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO INDUSTRI (JAB)				
1	DG002	DAG	DIPLOMA AGROTEKNOLOGI	6 SEMESTER
2	DG005	DTQ	DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR	6 SEMESTER
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)				
1	DE009	DEG	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (TENAGA HIJAU)	6 SEMESTER

3.0 PANDUAN PENDAFTARAN

BAHAGIAN 1:

1. Join Channel Telegram Pelajar Baharu Sesi I:2026/2027
2. Cetakan Surat Tawaran, membuat pengesahan setuju terima (BJT) dan Borang BHEP 1 hingga BHEP 6

BAHAGIAN 2:

1. Panduan Pendaftaran
2. Membuat pendaftaran akaun pengguna iPayment
3. Membuat Bayaran Yuran
4. Mendaftar Secara Online di Portal Pendaftaran Pelajar Baharu
5. Melapor diri di kampus Politeknik Jeli Kelantan


BAHAGIAN 1

3.1 JOIN CHANNEL TELEGRAM PELAJAR BAHARU SESI I:2026/2027

Mohon kepada semua pelajar baharu Sesi I:2026/2027 untuk join Channel Telegram bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendaftaran dan Minggu Transformasi Siswa (MTS).

Link channel Telegram Pelajar Baharu Politeknik Jeli Kelantan Sesi I: 2026/2027

<https://t.me/+QRpwQDhkc7FkMDQ9> atau scan QR kod di bawah:



QR Code group Telegram

- CETAK SURAT TAWARAN, BORANG JAWAPAN TAWARAN (BJT) DAN BORANG BHEP1 hingga BHEP6 DI WEB AMBILAN POLYCC

<https://ambilan.mypolycc.edu.my/>

BAHAGIAN 2

3.2 PANDUAN PENDAFTARAN

3.2 PANDUAN PENDAFTARAN

- 3.2.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:
- memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - Kewarganegaraan
 - Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
 - seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 3.2.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal bila-bila masa sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- 3.2.3 Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan peribadi.
- 3.2.4 Keselamatan barangan peribadi sepanjang keberadaan pelajar di kampus dan asrama adalah menjadi tanggungjawab pelajar.
- 3.2.5 Sila imbas QR CODE untuk maklumat lanjut Peraturan Am Asrama Politeknik Jeli Kelantan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti




Peraturan Am Asrama
Politeknik Jeli Kelantan



Peraturan Am Pelajar
Politeknik dan Kolej Komuniti

3.3 PROSES PENDAFTARAN



3.4 MAKLUMAT BAYARAN

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN				
1	Yuran Pengajian	200.00	Bayaran (Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar) hanya melalui Sistem iPayment sahaja. <table><tr><td>Tarikh Mula Bayar</td><td>8 Jun 2026</td></tr><tr><td>Kaedah Bayaran</td><td>iPayment (Rujuk Lampiran)</td></tr></table>	Tarikh Mula Bayar	8 Jun 2026	Kaedah Bayaran	iPayment (Rujuk Lampiran)
Tarikh Mula Bayar	8 Jun 2026						
Kaedah Bayaran	iPayment (Rujuk Lampiran)						
2	Yuran Asrama	630.00					
3	Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar	50.00	(Rujuk perkara: Tatacara Pendaftaran dan Pembayaran Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar) <i>**sila pastikan e-mel yang didaftarkan di iPayment adalah sama dengan e-mel pada Borang Jawapan Tawaran (BJT-BAPP)**</i>				
4	Bayaran Perkhidmatan Barangan dan Pelajar	200.00	Rujuk surat Koperasi Politeknik Jeli melalui channel Telegram: https://t.me/+QRpwQDhkc7FkMDQ9				
5	Yuran Majlis Sukan Politeknik Malaysia	25.00	Bayaran PINDAHAN WANG kepada TETUAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (Bank Islam : 04033010039679) Ref 1 : No. KP pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 : No. Telefon pelajar				

- Pelajar berstatus **Orang Kurang Upaya (OKU)** yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Jeli Kelantan berkaitan status bayaran.
- Kaedah bayaran yuran pengajian, yuran asrama dan sumbangan aktiviti dan kebajikan pelajar adalah melalui iPayment (rujuk Tatacara Pembayaran Melalui iPayment). Sila serahkan transaksi bukti bayaran kepada petugas kaunter semasa lapor diri di politeknik.
- Bayaran Yuran Majlis Sukan Politeknik Malaysia melalui pindahan wang ke Akaun Bank Islam Tetuan Majlis Sukan Politeknik sebanyak RM25.00. Bayaran ini meliputi bayaran yuran keahlian RM10.00 dan yuran semester RM15.00.
- POLITEKNIK JELI KELANTAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DIATAS SEBARANG KESILAPAN YANG BERLAKU DALAM PROSES PEMBAYARAN YURAN. SILA BUAT PEMBAYARAN DENGAN TELITI PADA AKAUN YANG SEPATUTNYA**

TATACARA PENDAFTARAN DAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN / ASRAMA / SAKP MELALUI IPAYMENT

Nota Penting:

1. Pelajar hendaklah menyemak akaun iPayment dan membuat bayaran yuran pengajian dan/atau yuran asrama / SAKP selepas mendapat bil/invois dari ipayment.

Untuk panduan dalam bentuk video, sila imbas kod QR di bawah.

- a. Kaedah Pendaftaran akaun iPayment.



- b. Kaedah Pembayaran yuran pengajian dan/atau asrama / SAKP melalui iPayment.



3.5 TATACARA PENDAFTARAN iPAYMENT

LANGKAH 1:

Layari laman web <https://ipayment.anm.gov.my/>




Nota: Sebelum pendaftaran, pastikan pelajar mempunyai **AKAUN E-MEL** yang **AKTIF** untuk **PENDAFTARAN**.



Klik butang Daftar.

LANGKAH 2:

1. Klik **Pendaftaran** untuk mendaftar akaun baru.



2. Paparan **Pendaftaran Profil Pengguna** akan muncul. Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan. Pastikan **alamat e-mel** yang digunakan adalah aktif dan milik pelajar. Pastikan juga **nama yang diisi adalah sama seperti yang tertera pada Kad Pengenalan**.

Pendaftaran Profil Pengguna

☒ Warganegara ☐ Bukan Warganegara

Jenis Identiti Pengguna*
MyKad

Nombor MyKad*

Alamat E-mel*

Nombor Telefon*

Nama Pertama*

Nama Akhir*

Alamat Surat Menyurat

Alamat 1*

Alamat 2

Alamat 3

Negara*
Malaysia

Poskod*

Negeri*
Sila Pilih

Daerah*
Sila Pilih

Bandar*
Sila Pilih

Kata Laluan*

Pengesahan Kata Laluan*

☐ Saya bersetuju dengan terma dan syarat.

MEX9RY

Masukkan Captcha*

Paparan Pendaftaran Profil Pengguna

Pendaftaran Profil Pengguna

☒ Warganegara ☐ Bukan Warganegara

Jenis Identiti Pengguna*
MyKad

Nombor MyKad* 1

Alamat E-mel* 2

Nombor Telefon* 3
Malaysia +60

Nama Pertama* 4

Nama Akhir*

Alamat Surat Menyurat 5

Alamat 1*

Alamat 2

Alamat 3

Negara* 6
Malaysia

Poskod* 7

Negeri* 8
Sila Pilih

Daerah*
Sila Pilih

Bandar*
Sila Pilih

9 Kata Laluan*

Pengesahan Kata Laluan*

10 ☒ Saya bersetuju dengan terma dan syarat.

GOO2J9

Masukkan Captcha* 11
GOO2J9

Kembali Daftar 12

Sila isi (mandatori):

1. Nombor MyKad (12 aksara, tanpa ' – ')
2. Alamat E-mel (Gunakan e-mel peribadi anda).

Contoh: ipayment@gmail.com ipayment@yahoo.com

3. Nombor Telefon
4. Nama Pertama dan Nama Akhir (Sila masukkan nama penuh seperti di kad pengenalan).

Contoh:

Nama pada Kad Pengenalan	Nama Pertama	Nama Akhir
SITI AMINAH BINTI HASSAN	SITI AMINAH	BINTI HASSAN
MOHD FAIZAL BIN ZULKIFLI	MOHD FAIZAL	BIN ZULKIFLI
LEE MIN HOO	LEE	MIN HOO
KUMAR A/L RAMASAMY	KUMAR	A/L RAMASAMY
ARDELENE MICHELLE ANDREWNUS	ARDELENE MICHELLE	ANDREWNUS

5. Alamat Surat Menyurat (Alamat 1, Alamat 2 dan Alamat 3).

Contoh:

- a. Hanya ada Alamat 1 dan Alamat 2

Alamat Penuh	Pecahan Item
40, Jalan Kristal 2/1	Alamat 1
Taman Kristal 2	Alamat 2
43800 Dengkil	Poskod dan Bandar
Selangor	Negeri

- b. Mempunyai Alamat 1, Alamat 2 dan Alamat 3

Alamat Penuh	Pecahan Item
No. 40, Jalan Murni 6/4	Alamat 1
Taman Langat Murni	Alamat 2
Bukit Changgang	Alamat 3
42700 Banting	Poskod dan Bandar
Selangor	Negeri

6. Negara (**Malaysia** akan muncul secara automatik).
7. Sila masukkan **Poskod**. Maklumat **Negeri dan Bandar** akan dipaparkan secara automatik apabila poskod dimasukkan.
8. Sila pilih **Daerah** secara manual.
9. Masukkan Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan.


Polisi Kata Laluan:

Kombinasi 8 minimum karakter, sekurang-kurangnya satu huruf besar, satu nombor dan satu simbol.

10. Klik '**Saya bersetuju dengan terma dan syarat.**'
11. Masukkan kod **CAPTCHA** seperti yang dipaparkan.
12. Klik **Daftar**.

LANGKAH 3:


Sila **semak** e-mel anda dan **klik pautan** yang diberikan untuk **mengaktifkan akaun**.




Tahniah! Pendaftaran berjaya. Anda kini boleh menggunakan perkhidmatan iPayment.

LANGKAH 4:

Masukkan **kunci masuk / kod pengaktifan** yang diberikan untuk pengaktifan akaun anda.



Skrin ini akan dipaparkan apabila proses pendaftaran berjaya dan boleh log masuk ke Sistem iPayment.




Tahniah! Pendaftaran berjaya. Anda kini boleh menggunakan perkhidmatan iPayment.

3.6 TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA MELALUI iPAYMENT

LANGKAH 1:

Layari web <https://ipayment.anm.gov.my/>. Klik butang Log Masuk.




LANGKAH 2:

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar iPayment.

A screenshot of the iPayment login form. The form has a dark teal background and a white border. At the top, it says 'Log Masuk'. Below this, there are two input fields: 'E-mel' and 'Kata Laluan'. To the right of the 'E-mel' field is a link that says 'Terlupa ID pengguna?'. To the right of the 'Kata Laluan' field is a link that says 'Terlupa kata laluan?'. Below the input fields is a checkbox labeled 'Ingat saya' which is checked. At the bottom of the form is a large orange button labeled 'Log Masuk', which is highlighted by a red rectangle and a red arrow. Below the button is a link that says 'Tiada akaun? Pendaftaran'.


Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:




Bil iPayment akan dikeluarkan secara berperingkat. Pelajar boleh membuat semakan bil dari masa ke masa.

LANGKAH 3:

Klik pada ikon menu **bil** seperti di bawah. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:




Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon



Yuran Pengajian =RM200
Yuran Asrama =RM630

Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya.



Yuran Asrama bagi Politeknik Jeli Kelantan = RM630

LANGKAH 4:

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.

Senarai Bil Semasa

Diri Sendiri

Muat Turun Paparan Kolum

Pihak Tanggung Caj: Kerajaan

No.	No. Rujukan	Tarikh Rujukan Bil	Tarikh Akhir Bayaran	Perihal Bayaran	Nama Agensi	Status	Amaun (RM)	Tindakan
1	00275/2024/DIT B2407500017000272	13/07/2024	28/08/2024	POLITEKNIK BESUT TERENGGANU - YURAN PENGAJIAN SEM I :2024/2025 DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)	Aktif	200.00	Bayar
2	10002/2024/DIT B2407500019000003	13/07/2024	28/08/2024	POLITEKNIK BESUT TERENGGANU - YURAN ASRAMA SEM I :2024/2025 DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)	Aktif	360.00	Bayar

Rekod Per Halaman 10

Pilih bil yang dipaparkan untuk membuat pembayaran

Jumlah bil yang dipilih (1) RM200.00 Bayar

LANGKAH 5:

Seterusnya paparan menu bayaran seperti berikut. Terdapat empat kaedah pembayaran:

- Perbankan Internet
- Kod QR DuitNow
- Kad
- E-Dompet

Pelajar boleh memilih mana-mana kaedah yang diinginkan.

Kembali

Bayar

Jumlah (RM)

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

POLITEKNIK BESUT TERENGGANU - YURAN PENGAJIAN SEM I
:2024/2025 DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT

200.00

Pihak Tanggung Caj: Kerajaan

Kaedah Pembayaran

- ☐ Perbankan Internet
- ☐ Kod QR DuitNow
- ☐ Kad
- ☐ E-Dompet

Amaun Perlu Dibayar
RM200.00

Bayar

i. Kaedah Perbankan Internet

Sekiranya memilih **Perbankan Internet**, paparan pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.

Sila pilih bank atau e-dompet.

Retail	Corporate
Affin Bank	Affin Bank
Agro Bank	Alliance Bank Malaysia Berhad
Alliance Bank Malaysia Berhad	CIMB Bank
Ambank Berhad	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
Bank Islam	MayBank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	RHB Banking Group

Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar.

Kaedah Pembayaran

- ☒ **Perbankan Internet**
MayBank Berhad
- ☐ **Kod QR DuitNow**
- ☐ **Kad**
- ☐ **E-Dompet**

Amaun Perlu Dibayar
RM200.00


→ **Bayar**

Seterusnya klik butang Ya.

Maklumat pembayaran mesti tepat dan tidak boleh dipinda selepas bayaran berjaya. Teruskan pembayaran?

→ **Ya** **Tidak**

Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa. Perlu diingat, pastikan **RESIT BAYARAN TRANSAKSI DISIMPAN** sebagai bukti bayaran.



ii. Kaedah Kod QR DuitNow

Jika memilih kaedah Kod QR DuitNow, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.



Seterusnya akan dipaparkan Kod QR seperti di bawah. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. Perlu diingat, jangan kongsi kod QR tersebut kepada orang lain. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.



iii. Kaedah Kad

Jika memilih kaedah pembayaran Kad, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.

Kaedah Pembayaran

- ☐ Perbankan Internet
- ☐ Kod QR DuitNow
- ☒ **Kad**
- ☐ E-Dompet

Amaun Perlu Dibayar
RM200.00

Bayar

Maklumat pembayaran mesti tepat dan tidak boleh dipinda selepas bayaran berjaya. Teruskan pembayaran?

Ya Tidak

Paparan berikut akan dipaparkan. Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.

secureacceptance.cybersource.com/checkout

cybersource
A Visa Solution

Payment Details

* Required field

Card Type *

☐ VISA Visa ☐ Mastercard

Card Number *

Expiration Month * Month

Expiration Year * Year

CVN *
This code is a three or four digit number printed on the back or front of credit cards.


Your Order

Total amount RM200.00


Cancel **Next**

iv. Kaedah E-Dompot

Jika memilih kaedah pembayaran E-Dompot, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.




Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompot. Pilih aplikasi E-Dompot berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran. Pastikan salinan **resit transaksi disimpan** sebagai bukti pembayaran.



PEMBAYARAN YANG TELAH SELESAI

Bil yang telah berjaya di bayar, akan hilang daripada senarai bil.



Teruskan untuk pembayaran seterusnya, iaitu Yuran Kolej Kediaman. Ikuti langkah yang sama seperti pembayaran bil untuk Yuran Pengajian. Perlu diingat, setiap transaksi bayaran perlu **DISIMPAN SALINAN RESIT BAYARAN** sebagai bukti. Resit boleh didapati melalui dua kaedah, klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran. Berikut merupakan contoh salinan resit bayaran:



KERAJAAN MALAYSIA

RESIT RASMI
SALINAN

Kew. 38E04-2023

Diterima Daripada : MUHAMMAD [REDACTED] No. Resit : RN240762320112002310
No. Identiti : [REDACTED] Tarikh & Masa Bayaran : 26/07/2024 08:37 AM
Alamat : [REDACTED] No. Transaksi : T2407AFP020000005165
No. Rujukan : [REDACTED] Kaedah Pembayaran : PORTAL / KOD QR DUITNOW
Perihal Bayaran : BAYARAN YURAN PENGAJIAN

No.	Keterangan	Kod Akaun	Amaun (RM)
1.	BAYARAN YURAN PENGAJIAN POLITEKNIK - IPAYMENT (BYP-IPYMNT72202)	H0272202	200.00
Jumlah Bayaran			200.00

Ringgit Malaysia : DUA RATUS SAHAJA

Jabatan : JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
Kementerian : KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)



Seterusnya, lakukan pembayaran untuk **Yuran Asrama dan Sumbangan Aktiviti Kebajikan Pelajar**. Sila ikuti langkah-langkah yang sama seperti pembayaran Yuran Pengajian.

Peringatan: Pastikan anda **menyimpan salinan resit** bagi setiap transaksi sebagai bukti. Resit boleh diperolehi melalui dua kaedah:

1. Klik butang **Jana Resit**, atau;
2. Melalui menu **Sejarah Pembayaran**.

Resit boleh didapati melalui dua kaedah.

- i. Resit **ASAL** – Klik pautan yang diberi dalam e-mel setelah pembayaran berjaya.
- ii. Resit **SALINAN** – Klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran di akaun iPayment.

4.0 PANDUAN LAPOR DIRI

4.1 Jadual Lapor Diri

Pelajar	Diploma Agroteknologi (DAG), Diploma Teknologi Akuakultur (DAQ) & Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau) (DEG)			
	Tarikh	Masa	Pendaftaran	Tempat
Baharu	21 Jun 2026 (Ahad)	9.00pagi – 12.00tengahari	Pengajian	Lanas 4
		10.00pagi – 1.00petang	Asrama	Pejabat Asrama

4.2 Kaedah Lapor Diri

- Pelajar dan pengiring dikehendaki mematuhi tempoh masa yang ditetapkan untuk melapor diri ke politeknik.
- Proses lapor diri akan dilaksanakan secara bersemuka di kaunter pendaftaran.
- Kenderaan pelajar/pengiring TIDAK DIBENARKAN masuk ke kawasan asrama. Kenderaan boleh diletakkan di kawasan yang dikhaskan sahaja. Sila patuhi arahan petugas lalulintas untuk kelancaran trafik.
- Ibubapa/pengiring dibenarkan memasuki kawasan asrama tetapi tidak digalakkan berada di dalam bangunan kediaman pelajar.
- Semua pelajar disyaratkan telah melaksanakan proses Pendaftaran Pengajian Secara Dalam Talian di portal ambilan sebelum hadir melapor diri ke kampus pada tarikh yang telah ditetapkan.
- Setiap pelajar perlu mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (*online*) dan mengemukakan kepada petugas sebagai bukti telah mendaftar sebagai pelajar Politeknik Jeli Kelantan.

4.3 Pakaian Dan Penampilan Diri (Pelajar Lelaki)

- Baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher
- Baju hendaklah dikenakan butang dengan sempurna dan dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*)
- Berseluar *slack*
- Berkasut bertutup dan berstokin
- Sebarang pemakaian perhiasan tidak dibenarkan
- Dilarang memakai tali pinggang yang mempunyai tulisan atau gambar dan saiz *buckle* tidak melebihi 3 cm.
- Berambut pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi
- Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan
- Side band* tidak melebihi tengah batang hidung

4.4 Pakaian Dan Penampilan Diri (Pelajar Perempuan)

- i. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan tidak dibenarkan. Pelajar beragama Islam dikehendaki berbaju kurung.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan memakai *skirt* yang lebih pendek daripada paras lutut
- iii. Memakai kasut yang bertutup
- iv. Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan. Rambut yang melepasi bahu hendaklah diikat
- v. Pelajar beragama Islam digalakkan memakai hijab
- vi. Memakai barang kemas berlebihan tidak dibenarkan
- vii. Kening tidak boleh dicukur atau dicabut

Pihak Politeknik Jeli Kelantan amat mengharapkan kerjasama daripada pelajar/ ibubapa/ pengiring agar dapat mematuhi segala peraturan, prosedur dan arahan-arahan petugas semasa hadir melapor diri di asrama. Segala perubahan bergantung kepada arahan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan akan dimaklumkan kepada pelajar melalui laman web rasmi Politeknik Jeli, www.pjk.edu.my.

5.0 MENDAFTAR SECARA ONLINE DI PORTAL PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Selepas membuat bayaran yuran, perlu **menunggu dalam 3-5 hari bekerja** untuk data bayaran di muat naik ke dalam sistem. Setelah tempoh 3-5 hari bekerja, **semak semula** bayaran yuran dengan melayari portal pendaftaran pelajar baharu di <http://spmp.pjk.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

LANGKAH 1 : Masukkan No IC dan klik butang Teruskan.



LANGKAH 2 : Membuat pendaftaran online sebagai pelajar Politeknik Jeli Kelantan. Langkah ini hanya boleh dibuat sekiranya telah selesai membuat bayaran yuran. Sila klik pada butang Teruskan Untuk Pendaftaran. Jika butang tersebut tiada, ini bermaksud data bayaran yuran masih belum ada dalam sistem. Oleh itu perlu menunggu dan semak semula pada hari berikutnya.

Isi Semasa : 1 : 2025/2026

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Jeli Kelantan

Tawaran anda adalah dengan Kamsis

Langkah Perkara yang perlu dilakukan

1 Cetak Dokumen Pendaftaran

Sila cetak maklumat am pendaftaran dan borang pendaftaran Politeknik Jeli Kelantan

Maklumat Am

2 Cetak Maklumat Bayaran

Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.

Maklumat Bayaran

3 Semak status bayaran

Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Jeli Kelantan sehari selepas bayaran dibuat

Semak Status Bayaran

4 Pendaftaran Online (dalam talian)

Sila Klik Pendaftaran Online PJK setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Jeli Kelantan

Teruskan Untuk Pendaftaran

LANGKAH 3 : Berikut adalah paparan sekiranya telah selesai membuat pendaftaran. **Pelajar TIDAK PERLU UPLOAD** gambar passport. Gambar akan di ambil semasa hari pendaftaran.

Sesi Semasa : I : 2025/2026

Maklumat Pendaftaran Online

Nama	: MUHAMMAD AMIRUL AMIN BIN MALIK
No Kp	: [REDACTED]
No Pendaftaran	: 22DTQ25F1027
Program	: DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR
Jabatan	: JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Kelas	: DTQ1C



Sesi Pengajian	: I : 2025/2026
Tarikh Lapordiri	: 27 Julai 2025
Masa Lapordiri	: 9.00 Pagi - 12.00 Tengahari
Sesi Mula	: I : 2025/2026
Sesi Tamat	: II : 2027/2028

Maklumat Kamsis

Blok Kamsis	: 3
No Bilik	: 3307
No Katil	: C

Cetak Slip

LANGKAH 4 : Seterusnya pelajar perlu mencetak slip pendaftaran online dengan klik pada butang Cetak Slip. Berikut adalah paparan Slip Pendaftaran Online yang perlu dicetak dan di bawa semasa hari pendaftaran.

 **Politeknik Jeli Kelantan**
Jalan Raya Timur-Barat
17600 Jeli
Kelantan

Telefon : 09-9443600
Fax : 09-9462802
Web : http://www.pjk.edu.my

Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama	: HUR ADAWIYAH BINTI MOHD ROSLI	No Pendaftaran	: 22DTQ25F1003
No Kp	: [REDACTED]		
Program	: DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR	Jabatan	: JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI
Kelas	: DTQ1C		
Sesi Pengajian	: I : 2025/2026	Masa Lapordiri	: 9.00 Pagi - 12.00 Tengahari
Tarikh Lapordiri	: 27 Julai 2025	Sesi Mula	: I : 2025/2026
Sesi Mula	: I : 2025/2026	Sesi Tamat	: II : 2027/2028
No Bilik Kamsis	: 1502	No Katil	: A

Arahan Semasa Melapor Diri

- Senarai Semak Borang Pendaftaran (Lampiran A)
- Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- Laporan Pemeriksaan Kesihatan (BHEP2)
- Perakuan Pelantikan Tanggungjawab (BHEP3A, BHEP3B)
- Kebijakan (bukan) perisai untuk rawatan pembedahan (BHEP4)
- Borang Pengesahan Pendaftaran (BHEP5A/BHEP5B/BHEP5C)

Polong Diri

Untuk Kepgunaan Koperasi Politeknik Jeli Kelantan Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik Jeli Kelantan

Nama	: HUR ADAWIYAH BINTI MOHD ROSLI	No Pendaftaran	: 22DTQ25F1003
No Kp	: 070328030312		
Program	: DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR		
Kelas	: DTQ1C		

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter Koperasi Politeknik Jeli Kelantan

Pendaftaran dan Koperasi Politeknik Jeli Kelantan yang telah di ambil oleh pelajar

☐	Baju Koperasi
☐	Baju T-Shirt Harlogo Politeknik
☐	Baju T-Shirt Sukardawan Yos
☐	Card Holder & I anyard

LAMPIRAN

1. Borang BHEP 1 hingga BHEP 6 dan Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/ swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:**
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
 - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
 - c. Pengetua Sekolah Menengah
 - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
 - e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
 - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
 - g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
 - h. Wakil Rakyat
 - i. Pengamal Undang-undang
 - j. Pesuruhjaya Sumpah
 - k. Jaksa Pendamai
 - l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)

Disediakan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Jeli Kelantan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Tel : 09-9443648/ 625/ 616



PANDUAN ASNB CELIK MADANI

KAEDAH PELAKSANAAN INISIATIF PROGRAM CELIK MADANI DI POLITEKNIK JELI KELANTAN BAGI TAHUN 2026: PEMBERIAN RM50 UNIT AMANAH SECARA PERCUMA

1. Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran pengajian Diploma Politeknik melalui laman web <https://ambilan.mypolycc.edu.my>
2. Pelajar perlu membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri selepas membuat pengesahan setuju terima tawaran dan sebaiknya sebelum proses pendaftaran diri di kampus.
3. Urusan pembukaan akaun ASNB perlu dilakukan secara atas talian melalui aplikasi MyASNB. Pelajar hanya perlu mendaftar akaun melalui aplikasi tersebut tanpa sebarang bayaran permulaan dan memasukkan kod rujukan '**Celik MADANI**' untuk pengkreditan RM50 unit amanah secara percuma.
4. Log masuk ke Portal Semakan Tawaran Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti <https://ambilan.mypolycc.edu.my/semakantawaran/polycc/index.asp>
5. Muat turun Welcome Kit ASNB
6. Daftar atau kemaskini akaun ASB / ASN
7. Kemaskini nombor akaun 12 Digit di portal yang sama:
 - a) Nama penuh
 - b) Nombor Kad Pengenalan
 - c) Nombor Akaun ASNB
8. Akaun Persetujuan pelajar bagi perkongsian maklumat ini terhad kepada ASNB sahaja DAN dengan tujuan pengkreditan pelaburan permulaan RM50 ke dalam Akaun ASNB pelajar.
9. Semak dan jika tiada pindaan klik KEMASKINI.

*Nota: Sila rujuk **Kit selamat datang ASNB Celik MADANI** untuk cara mendaftar dan soalan soalan lazim*



SENARAI SEMAK

(Serah senarai semak bersama Borang BHEP 1 - 6 kepada petugas kaunter pendaftaran)

Dokumen-dokumen berikut mesti diserahkan pada hari Lapor Diri Pelajar. Dokumen yang telah lengkap diisi dan perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib/ aturan. **Setiap dokumen mestilah di cetak pada satu muka kertas untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
No. Pendaftaran : _____

Sila sertakan salinan dokumen dalam **saiz A4** (pastikan mengikut susunan berikut)

Bil	Borang Hal Ehwal Pelajar		Tindakan Pelajar (√)	Kaunter Serahan
1	Slip Pengesahan Pendaftaran Sesi I:2026/2027			Dewan Lanas 4
2	Maklumat Peribadi Pelajar	BHEP1		
3	Laporan Pemeriksaan Kesihatan	BHEP2		
4	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)	BHEP3(a)		
5	Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar)	BHEP3(b)		
6	Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan	BHEP4		
7	Aku Janji Pelajar	BHEP5		
8	Borang Pengesahan Pendapatan Bapa (jika berkaitan)	BHEP6(a)		
9	Borang Pengesahan Pendapatan Ibu (jika berkaitan)	BHEP6(b)		
10	Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga (jika berkaitan)	BHEP6(c)		
11	Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia			
12	1 salinan Nombor Akaun Bank Pelajar (akaun aktif)			
13	Surat Asal Tajaan cth: MAIS, MAIP, YTN, LZS (jika ada)			
14	2 salinan transaksi bukti pembayaran • Yuran Pengajian • Yuran Asrama • Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (SAKP) • Bayaran Perkhidmatan dan bayaran pelajar (Koperasi) • Yuran Majlis Sukan Politeknik Malaysia			

**RINGKASAN AKTIVITI PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU
SESI I:2026/2027**

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
21 Jun 2026 (Ahad)	Pendaftaran Pengajian Serahan Dokumen (Rujuk Lampiran A)	9.00pagi – 12.00tengahari	Dewan Lanas 4
	Serahan Barangan Pelbagai Daripada Koperasi	9.00pagi – 12.00tengahari	Kaunter Koperasi
	Taklimat Pengarah Politeknik Jeli Kelantan bersama ibubapa pelajar	10.00pagi – 11.00pagi	Dewan Lanas Perdana
	Pendaftaran Asrama	10.00pagi – 1.00petang	Pejabat Asrama



MSP_DAF- 001

**BORANG KEAHLIAN
PELAJAR(SEMESTER 1)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK
MALAYSIA**

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	
NO H/P	

Saya_____No_____kad_____pengenalan
_____dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis
Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang
Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh
Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

YURAN KEAHLIAN

PENDAFTARAN	RM 10.00
SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	RM 25.00
	• Bayaran boleh dibuat melalui Pindahan Wang sahaja (<i>EFT: Electronic FundTransfer</i>) ke akaun Majlis Sukan Politeknik Malaysia - Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad - No Akaun : 04033010039679 - Jenis Akaun : Akaun Semasa • Sila nyatakan No Kad Pengenalan pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran. • Sila kepitkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Tandatangan
(NAMA : _____)

Tarikh

